



KENYATAAN / SIARAN AKHBAR

**Bahagian Komunikasi Korporat
Perbadanan Putrajaya
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013**

FLORIA DIRAJA PUTRAJAYA 2024 CATAT REKOD KEHADIRAN 800,000 PENGUNJUNG

PUTRAJAYA, 1 September 2024: Majlis penutup FLORIA Diraja Putrajaya (RFP2024) pada hari ini telah disempurnakan oleh YB Dr. Zaliha binti Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) dengan mengumumkan catatan rekod kehadiran pengunjung sebanyak 800,000 orang sepanjang sebelas hari penganjuran.

RFP2024 telah bermula pada 22 Ogos yang lalu di mana majlis perasmianya telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah. Dengan mengetengahkan bunga Petunia sebagai bunga tema acara, FRP2024 mendapat perhatian umum melalui tarikan terbaharu tahun ini iaitu Taman Hobbit yang diperkenalkan di bawah program *Place Making dan Local Agenda21* buat julung kalinya dengan menggunakan bahan kitar semula. Taman Hobbit akan dikekalkan di lokasi sewaktu penganjuran acara sebagai satu lagi tarikan pelancongan baharu di Putrajaya.

Majlis penutup pada hari ini turut meraikan pemenang pertandingan taman daripada 30 agensi kerajaan dan syarikat korporat bagi merebut anugerah utama iaitu *FLORIA Garden Prime Award 2024*. Pemenang anugerah ini akan membawa pulang wang tunai sebanyak RM10,000.00 sebagai ganjaran utama. Menampilkan kelainan pada tahun ini, dua anugerah baharu telah diperkenalkan iaitu *FLORIA Iconic Award* dan *FLORIA Most People's Choice Garden Award*. Pemenang bagi anugerah *FLORIA Iconic Award* dipilih atas kreativiti reka bentuk taman yang menonjolkan mercu tanda ikonik, manakala pemenang *FLORIA Most People's Choice Garden Award* merupakan anugerah pilihan orang ramai secara dalam talian.

Penganjuran RFP2024 turut selari dalam menyokong kelestarian aspek pelancongan, sosio ekonomi dan alam sekitar di mana ketiga-tiga aspek ini merupakan di antara 6 fokus utama dalam Kluster SEJAHTERA@WP.



(ASMAWI BIN AHMAD)

Ketua Penolong Pengarah

Bahagian Komunikasi Korporat

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: September 2024